



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 22

25hb Oktober 2007

*TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN*

K. P.U. 10.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN) PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI KEDAH (PINDAAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Tempatan Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Taman) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah (Pindaan) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai di kawasan-kawasan yang disebut di dalam Jadual.

Pindaan Undang-Undang Kecil 2

2. Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil (Taman) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1983 [K.P.U. 4. 1983] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan menggantikan takrif “taman” dengan takrif yang berikut—

“taman” termasuklah kawasan lapang, siar kaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rizab anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana perkarangan yang disenggara atau di bawah bidang kuasa Majlis”.

Pindaan Undang-Undang Kecil 3

3. Undang-Undang Kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa Melayu—

(a) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan “peluang, penguatsuara, sistem siaraya atau lamputumpu” dengan perkataan “pelaung, penguat suara, sistem siar raya atau iampu tumpu”.

(b) dalam perenggan (g) dengan menggantikan perkataan “menungguang, memandu atau menolak mana-mana kenderaan di atas mana-mana padang atau lorongkaki” dengan perkataan berikut—

“menungguang, memandu atau menolak mana-mana kenderaan di atas mana-mana rumput atau lorong pejalan kaki”.

(c) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan “remek” dengan perkataan “renek”;

(d) dalam perenggan (k) dengan menggantikan perkataan “membuang atau melepaskan mana-mana batu atau lain-lain lontaran” dengan perkataan berikut—

“melontar membuang apa-apa batu atau lain-lain pelempar”.

(e) dalam perenggan (n) dengan menggantikan perkataan “bungapi” dengan perkataan “bunga api”;

Pindaan Undang-Undang Kecil 9

4. Undang-Undang Kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan Undang-Undang Kecil yang berikut—

“Mana-mana pegawai polis atau pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis boleh merampas mana-mana struktur, alat, perkakas atau kenderaan kepunyaan seseorang yang dengan munasabah disyaki melanggar Undang-Undang Kecil 3, 4, 5, 6 dan 7 dan menyimpannya di bawah jagaan tetapi atas tanggungan pemunya”.